



HARI MALAYSIA DESIGN CONTEST

We let YOU design our cards



Contest period : 08/09/2017 till 30/09/2017

Let that creative juices flow and stand a chance to win some great prizes!

GRAND PRIZES UP FOR GRABS!

Wacom Bamboo Folio Small, A5 (New)



+

Special Design Card
(own design)



Four (4) consolation prize:
Special Design Card with a reload value of RM50.00 each.



'Hari Malaysia Design' Contest

Terms and Conditions

- 1) **'Hari Malaysia Design'** (known as "Contest") is commencing from 8 September 2017 until 30 September 2017.
- 2) The Contest is open to all participants age 18 years and above. Employee of Touch 'n Go Sdn Bhd ("TNGSB") are prohibited to enter the contest.
- 3) How to participate :
 - a. You must create a design (via any designing tools) and save it as JPEG.
 - b. Theme : **Hari Malaysia** (Patriotism)
 - c. Standard measurement for card design:
 - i. Height : 54 mm
 - ii. Width : 85.5 mm
 - d. Steps to participate :
 - Step 1 : **'Like'** our **Facebook page** and follow our Instagram account - **@mytouchngo**
 - Step 2 : Make your Instagram account public, in order to gain likes and to allow others to view the design
 - Step 3: You must upload a picture of the design on Instagram, tag **@mytouchngo**, and include **#TNGHariMalaysiaDesign** and share your design in Facebook/Twitter account to gain more likes and increase the chance of winning.
- 4) All designs submitted **MUST NOT** contain / depict /portray picture's with the following elements:
 - a. provocative, lewd or sexual;
 - b. violent or other offensive, obscene or indecent;
 - c. bigotry, racism, hatred, profanity or obscenities;
 - d. propagating political statement, issues or agenda; and/or
 - e. plagiarism.
- 5) Any designs which contain the above and/or any other controversial elements as assessed by **TNGSB's management will** be automatically disqualified.
- 6) You must ensure that designs given do not infringe copyright, privacy rights, regulations, orders or directions of any third party.
- 7) The list of winners will be announced on **6 October 2017** (in conjunction with the celebration of Hari Malaysia on 16 September 2017) on Touch 'n Go's Facebook page. In any event winners are not reachable within seven (7) working days after the date of winners' announcement, TNGSB reserves the rights to choose another winner.



- 8) Winners for the Contest shall be notified by phone calls and will receive a notification email and/or letter from Touch 'n Go Sdn Bhd ("TNGSB"). The notification email and/or letter will be sent within seven (7) working days after the Contest period ends.
- 9) **Five (5) winners** for this contest will be selected.
 - a. **Grand prize** winner will receive **Wacom Bamboo Folio Small, A5 (New) with a Special Design Card with a reload Value of RM50.00.**
 - b. **Four (4) consolation prize** winners will receive **a Special Design Card with a reload value of RM50.00** each.

Only participants who fulfill the Terms and Conditions shall be eligible to win the prizes. TNGSB reserves the right to disqualify participants who have failed to abide this Terms and Conditions.

- 10) TNGSB (including its respective officers, employees, and agents) shall not be liable for any losses (including consequential losses arising therewith) and/or any damages suffered by any participants or winners in connection with the Contest.
- 11) Prizes are not exchangeable and/or transferable. Failure to claim the prizes within seven (7) **working days after the winners' announcement shall constitute a rejection by such winner(s), and** TNGSB reserves the rights to award the prize to another winner(s).
- 12) TNGSB shall have the right to cancel, terminate or suspend the Contest within fourteen (14) working days prior notice. For the avoidance of doubt, cancellation, termination or suspension by TNGSB shall not entitle You to any claim or compensation against TNGSB for any and all losses or damages suffered or incurred as a direct or indirect result of the act of cancellation, termination or suspension.
- 13) The Terms and Conditions herein shall prevail over any inconsistent terms, conditions, provisions or representations contained in any other promotional or advertising materials for the Contest.
- 14) TNGSB reserves the right to amend this Terms and Conditions with adequate prior notifications.
- 15) Winners will be selected based on the number of votes and the final decision from the higher management of TNGSB. The decision of judges appointed by TNGSB is final, conclusive, and binding and no further appeal, enquiry and/or correspondence will be entertained.
- 16) TNGSB reserves the rights to disqualify any submission with inaccurate details, and/or which it has reasonable believed to be fraudulent in whatsoever nature.
- 17) This Contest shall be governed by Malaysian law and You agree to be bound by the Terms and Conditions.
- 18) This Terms and Conditions are also available in the Bahasa Malaysia language. In the event of any inconsistency, conflict, ambiguity or discrepancy between the English version and the Bahasa Malaysia version of this Terms and Conditions, the version which you had read and agreed to shall prevail.





19) Personal Data Protection Act 2010

You acknowledge that You are aware and give Your consent to TNGSB that the information collected by TNGSB from You ("Personal Data") will be used and/or disclosed in accordance to TNGSB's Privacy Notice as posted on TNGSB's website at

<http://www.touchngo.com.my/CMS/Corporate/Media-Centre/Announcement/Privacy-Notice-PDPA/> and the Personal Data Protection Act 2010.

Where you voluntarily provide Your personal data for a known purpose or where information is generally available and can be obtained by reasonably expected means at a location or an event that is open to the public, it shall be deemed as an implied consent and such implied consent shall be deemed as a valid consent.

20) Secrecy

TNGSB acknowledge that the document or information collected by TNGSB from You relating to Your affair or account as a customer of TNGSB will be only used and/or disclosed in accordance to the secrecy provisions under the Financial Services Act 2013 (FSA).

Peraduan 'Hari Malaysia Design'
Terma-terma dan Syarat-syarat

- 1) 'Hari Malaysia Design' (dikenali sebagai "Peraduan") ini bermula pada 3 September 2017 sehingga 30 September 2017.
- 2) Peraduan ini terbuka kepada semua peserta berumur 18 tahun dan ke atas. Kakitangan Touch 'n Go Sdn Bhd ("TNGSB") adalah dilarang untuk menyertai Peraduan ini.
- 3) Cara penyertaan:
 - a. Anda perlu membuat rekaan (melalui sebarang alat mereka bentuk) dan menyimpannya dalam bentuk JPEG.
 - b. Tema : **Hari Malaysia** (Patriotisme)
 - c. Ukuran piawai untuk reka bentuk kad adalah seperti berikut:
 - i. **Ketinggian : 54 mm**
 - ii. **Kelebaran : 85.5 mm**
 - d. Langkah-langkah menyertai Peraduan:

Langkah 1 : 'Like' kami di Facebook dan 'Follow' di Instagram - @mytouchngo.

Langkah 2 : Pastikan akaun Instagram anda tidak peribadi, bagi mendapatkan 'likes' dan membolehkan rekaan tersebut dilihat oleh orang ramai.

Langkah 3 : Anda perlu memuat naik gambar rekaan di Instagram, tag @mytouchngo, dan sertakan #TNGHariMalaysia, dan berkongsi rekaan anda di akaun Facebook/Twitter bagi mendapatkan lebih banyak 'likes' dan meningkatkan peluang untuk menang.
- 4) Semua rekaan yang dihasilkan **TIDAK BOLEH** mengandungi/menyerupai/menggambarkan gambar seperti unsur-unsur berikut:
 - a. provokatif, lucah atau seksual;
 - b. keganasan atau unsur lain yang menyinggung perasaan, memberahikan atau tidak senonoh;
 - c. ketaksuban, perkauman, kebencian, kata-kata tidak senonoh atau lucah;
 - d. menyebarkan kenyataan politik, isu-isu atau agenda; dan/atau
 - e. plagiarisma.
- 5) Sebarang rekaan yang mengandungi unsur-unsur di atas dan / atau mana-mana susunan kata kontroversi lain berdasarkan penilaian pihak pengurusan Touch 'n Go akan dibatalkan secara automatik.
- 6) Anda bertanggungjawab untuk memastikan bahawa rekaan yang dihasilkan itu tidak melanggar hak cipta, hak peribadi, peraturan-peraturan, perintah atau arahan mana-mana pihak ketiga.

- 7) Senarai pemenang akan diumumkan pada **6 Oktober 2017** (sempena sambutan Hari Malaysia pada 16 September 2017) di laman **Facebook Touch 'n Go**. **Sekiranya pemenang tidak dapat dihubungi** dalam tempoh tujuh (7) hari bekerja selepas tarikh pemenang diumumkan, TNGSB mempunyai hak untuk memilih peserta yang lain sebagai pemenang.
 - 8) Para pemenang bagi Peraduan ini akan dimaklumkan melalui panggilan telefon dan akan menerima email pemberitahuan daripada **Touch 'n Go Sdn Bhd ("TNGSB")**. Email pemberitahuan akan dihantar dalam tujuh (7) hari bekerja selepas tempoh Peraduan tamat.
 - 9) **Lima (5) pemenang** untuk Peraduan ini akan dipilih.
 - a. Pemenang **hadiah utama akan menerima Wacom Bamboo Folio Small, A5 (New) beserta satu Kad Reka Bentuk Khas dengan_tambah nilai sebanyak RM50.00.**
 - b. **Empat (4) pemenang hadiah saguhati** akan menerima **Kad Reka Bentuk Khas dengan_tambah nilai sebanyak RM50.00** setiap satu.
- Hanya peserta yang memenuhi Terma-terma dan Syarat-syarat layak memenangi hadiah. TNGSB mempunyai hak untuk menolak permohonan peserta yang gagal mematuhi Terma-terma dan Syarat-syarat yang ditetapkan.
- 10) TNGSB (termasuk pegawai, pekerja-pekerjanya, dan ejen) tidak akan bertanggungjawab ke atas apa-apa kerugian (termasuk kerugian berbangkit yang timbul dengannya) dan / atau apa-apa kerosakan yang ditanggung oleh mana-mana peserta atau pemenang yang berkaitan dengan Peraduan ini.
 - 11) Hadiah tidak boleh ditukar dan / atau dipindah milik. Kegagalan untuk menuntut hadiah dalam tempoh tujuh (7) hari selepas pengumuman pemenang, akan dikira sebagai penolakan oleh pemenang tersebut, dan TNGSB mempunyai hak untuk memberikan hadiah kepada pemenang yang lain.
 - 12) Pihak TNGSB mempunyai hak untuk membatalkan, menamatkan atau menggantung Peraduan dengan memberikan notis empat belas (14) hari bekerja terlebih dahulu. Bagi mengelakkan sebarang keraguan, sebarang pembatalan, penamatan atau penggantungan yang dibuat oleh TNGSB; Anda tidak berhak untuk membuat sebarang tuntutan atau pampasan terhadap TNGSB bagi sebarang kerugian atau kerosakan yang dialami atau ditanggung secara langsung atau tidak langsung daripada tindakan pembatalan, penamatan atau penggantungan.
 - 13) Terma-terma dan Syarat-syarat ini akan mengatasi sebarang terma, syarat, peruntukan atau representasi yang terkandung dalam mana-mana bahan promosi atau pengiklanan untuk Peraduan yang lain.

- 14) Pemenang akan dipilih berdasarkan jumlah undian dan keputusan muktamad dari pihak pengurusan atasan TNGSB. Keputusan hakim yang dilantik oleh TNGSB adalah muktamad, tidak boleh dipertikaikan dan terikat dimana tiada sebarang rayuan, pertanyaan dan / atau surat-menyurat akan dilayan.
- 15) TNGSB mempunyai hak untuk membatalkan sebarang penyertaan yang mengandungi butir-butir yang tidak tepat, dan / atau yang mempunyai elemen penipuan dalam sebarang bentuk.
- 16) Peraduan ini tertakluk kepada undang-undang Malaysia dan Anda terikat dengan Terma-terma dan Syarat-syarat ini.
- 17) Terma-terma dan Syarat-syarat ini juga boleh didapati dalam Bahasa Inggeris. Sekiranya terdapat ketidakselarasan, konflik, kesamaran atau percanggahan antara versi Bahasa Inggeris dan versi Bahasa Malaysia Terma-terma dan Syarat-syarat ini, versi yang telah anda baca danersetujui akan diguna pakai.

18) Perlindungan Data Peribadi 2010

Anda mengakui bahawa Anda mengetahui dan memberi kebenaran kepada TNGSB bahawa maklumat yang dikumpul oleh TNGSB daripada Anda ("Data Peribadi") akan digunakan dan / atau didedahkan mengikut Notis Privasi TNGSB seperti yang terdapat di laman web TNGSB di <http://www.touchngo.com.my/CMS/Corporate/Media-Centre/Announcement/Privacy-Notice-PDPA/> dan Akta Perlindungan Data Peribadi 2010.

Di mana Anda secara sukarela memberikan data peribadi Anda untuk tujuan yang diketahui atau di mana maklumat boleh didapati secara umum dan boleh didapati dengan cara yang dijangka munasabah di lokasi atau acara yang terbuka kepada orang ramai, ia akan dianggap sebagai persetujuan tersirat dan persetujuan tersirat itu akan dianggap sebagai persetujuan yang sah.

19) Kerahsiaan

TNGSB mengakui bahawa dokumen dan maklumat yang dikumpul oleh TNGSB daripada Anda yang berhubungan dengan hal ehwal atau akaun anda sebagai pelanggan TNGSB hanya akan digunakan dan/atau didedahkan mengikut provisi kerahsiaan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013.